

## BAB SATU: PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Kestabilan sesebuah negara bergantung kepada kekuatan sistem ekonominya. Salah satu usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengawal ekonomi adalah dengan mewujudkan institusi perbankan<sup>1</sup>. Antara objektif institusi perbankan ialah dibangunkan untuk mengorganisasi dan mengawal sistem kewangan dalam sesuatu kelompok masyarakat di sesebuah negara<sup>2</sup>.

Mengikut sejarah Islam, aktiviti perbankan telah bermula sejak 1200 tahun yang lalu di Baghdad, Damsyik, Fez, dan Cordoba. Manakala di Asia Tenggara, Malaysia terkenal sebagai peneraju utama pembangunan sistem perbankan Islam. Sistem kewangan Islam di Malaysia bermula pada tahun 1962<sup>3</sup> dengan penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji Malaysia. Selepas daripada rentetan penubuhan Lembaga Urusan Tabung Haji, Bank Negara Malaysia Berhad (BNMB) selaku bank pusat telah meminta Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) untuk melakukan kajian tentang perbankan syariah di negara-negara Timur Tengah<sup>4</sup>. Kajian tersebut dijadikan sebagai panduan kepada Malaysia untuk membantu menubuhkan bank yang beroperasi secara Islam<sup>5</sup>.

Setelah Bank Negara Malaysia Berhad meneliti dan memperolehi pengetahuan yang mendalam tentang perbankan syariah daripada Lembaga Urusan Tabung Haji, maka

---

<sup>1</sup>Abdul Halim El-Muhammady (2006), *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Selangor: Aras Mega (M) Sdn.Bhd., h. 11.

<sup>2</sup>Abdullah Alwi Haji Hassan (2005), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication, h. 53.

<sup>3</sup>Abdul Halim El-Muhammady (2006), *op.cit.*, h. 11.

<sup>4</sup> *Ibid.*

<sup>5</sup> *Ibid.*

sistem perbankan Islam di Malaysia telah ditubuhkan pada 1 julai 1983 melalui penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)<sup>6</sup>. Manakala pada tahun 1993, bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan lain juga telah menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam di institusi-institusi di bawah Skim Perbankan Islam<sup>7</sup> (bank SPI)<sup>8</sup>.

Dalam prinsip fiqh muamalat<sup>9</sup>, terdapat satu kaedah usul al-fiqh yang telah dipraktikkan dan menjadi asas yang kukuh yang telah dinyatakan oleh Ibn Qayyim iaitu الأصل في العبادات البطلان حتى يقوم دليل على الأمور، والأصل في العقود والمعاملات الصحة حتى يقوم دليل على البطلان والتحريم. “peraturan asal dalam ibadah adalah dilarang, dan peraturan asal dalam transaksi dibenarkan”<sup>10</sup>. Kaedah ini dapat didefinisikan bahawa asal pada sesuatu hukum dalam muamalat adalah harus dan diizinkan, kecuali terdapat dalil larangan yang mengharamkannya atau terdapat elemen haram yang dicampur adukkan, kerana hukum asal yang harus bertukar kepada haram<sup>11</sup>. Manakala asal dalam sesuatu ibadah adalah dilarang sehingga terdapat dalil yang mengharuskannya<sup>12</sup>.

Kaedah ini adalah *rājih* disisi fuqaha<sup>13</sup>. Secara umumnya, Allah telah menghalalkan segala urusan muamalat selagi tiada nas yang melarangnya dan urusan

---

<sup>6</sup>Fadzila Azni Ahmad (2003), *Pembentukan Perumahan Secara Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., h. 2.

<sup>7</sup>[Bankinginfo.com.my,http://www.bankinginfo.com.my/\\_system/media/downloadables/perbankan\\_Islam.pdf](http://www.bankinginfo.com.my/_system/media/downloadables/perbankan_Islam.pdf), 20 Disember 2011.

<sup>8</sup>Bank SPI ialah memisahkan dana dan aktiviti transaksi perbankan Islam daripada perniagaan perbankan konvensional. Rujuk: *Ibid.*

<sup>9</sup>Hukum sivil iaitu hubungan antara sesama manusia khususnya dalam transaksi jual beli dan sebagianya. Rujuk: Dede Nurohman (2008), “Syari’ah dan Ekonomi: Upaya Mencari Landasan Epistemologis Ilmu Ekonomi Islam”, *Epistemé: Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman*, v. 3, No. 2, 2008, h. 191.

<sup>10</sup>Syams al-Din Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996), *I’lam al-Muwaqqi’in ‘an Rabb al-‘Alamīn*, j.1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h.259.

<sup>11</sup>Suhaimi b Yusof et al (2008), “Pendekatan Membuat Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam”, *Jurnal Muamalat*, Bil.2, 2008, h. 152.

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Ibid.*

ibadah dilarang sehingga terdapat dalil yang mengharuskan. Kaedah ini selari dengan firman Allah SWT:

وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

*“Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba”*

Surah al-Baqarah (2): 275

Ayat tersebut menunjukkan Allah menghalalkan semua jenis jual beli kecuali jual beli tersebut mengandungi riba atau larangan dari Rasulullah. Oleh yang demikian, hukum *bay‘ al-‘inah* adalah harus kerana ia juga suatu bentuk jual beli yang tidak mempunyai nas yang mengharamkannya.

Kini, terdapat banyak prinsip baru yang berlandaskan Islam telah diperkenalkan dan digunakan di bank-bank Islam mahupun bank-bank konvensional dalam produk-produk mereka. Antaranya ialah *musharakah mutanaqisah*<sup>14</sup>, *bay‘ bithaman al-ajil* (*BBA*)<sup>15</sup>, *mudarabah*<sup>16</sup>, *murabahah*<sup>17</sup>, *sukuk*<sup>18</sup> dan sebagainya. Oleh yang demikian, terdapat banyak juga produk yang ditawarkan menggunakan prinsip *bay‘ al-‘inah*.

---

<sup>14</sup>Konsep mengurangkan perkongsian. Terdapat dua pihak dalam kontrak ini. Pihak pelanggan dan pihak bank yang sama-sama mempunyai hak pemilikan bersama. Tetapi pemilikan bank akan berkurangan selepas pihak pelanggan membayarnya. Setelah pihak pelanggan habis membayarnya hak pemilikan asset tersebut bertukar menjadi hak milik pelanggan sahaja. Rujuk: Ahmed Kameel Mydin Meera et al (2005), “Islamic Home Financing through Musharakah Mutanaqisah and al-Bay Bithaman Ajil Contracts: A Comparative Analysis”, *Review of Islamic Economics*, v.22, no. 1, h. 5-30; Edib Smalo (2010), Managing Default in Musharakah Mutanaqisah”, *ISRA Buletin*, v. 5, 10 May, h. 5; Al-Sadik al-Dardir (2009), “Types and Methods of Investment in Islamic Finance”, dalam Ataul Huq Pramanik (ed.), *Islamic Banking How Far Have We Gone*. Kala Lumpur: IIUM Press, h. 154.

<sup>15</sup> Kontrak jualan ini menawarkan pembeli dengan manfaat pembayaran secara tangguh dan dikenakan kos tambahan kepada bayaran yang tertunda. Rujuk: *Ibid.*, h.7.

<sup>16</sup>Instrumen yang berjangka panjang yang digunakan oleh pihak bank seperti instrumen musharakah iaitu pembiaya atau pelanggan menanggung segala kerugian yang dilaporkan oleh pihak bank. Rujuk: Obaid Said Al Zaabi (2010), “Salam Contract in Islamic Law: A Survey”, *Journal of The International Association for Islamic Economics and The Islamic Foundation*, v. 14, No. 2, 2010, h. 91.

<sup>17</sup>Instrumen yang berjangka pendek: Bank membeli barang yang telah diminta oleh pelanggan, kemudian menjualnya kepada pelanggan tersebut pada harga kos yang ditambah dengan margin keuntungan. Rujuk: *Ibid.*, h. 92

Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi membincangkan maksud *bay‘ al-‘inah* mengikut empat mazhab berserta dalil-dalil pensyariatannya. Pengkaji juga akan mengemukakan masalah pengkhilafan hukum yang berlaku dalam *bay‘ al-‘inah*. Kemudian, operasi konsep *bay‘ al-‘inah* yang dijalankan dalam produk pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank Berhad. Beserta mengemukakan alternatif komoditi murabahah sebagai ganti kepada instrumen *bay‘ al-‘inah* dalam pembiayaan peribadi.

## 1.2. Latar Belakang Kajian

Perbankan Islam ialah suatu organisasi kewangan yang melaksanakan aktiviti yang berlandaskan syariah, kerana ia salah satu daripada bahagian ekonomi Islam<sup>19</sup>. Organisasi ini menerapkan peraturan Islam sama ada dalam transaksi jual beli, pelaburan dan simpanan<sup>20</sup>. Perbankan Islam juga adalah salah satu daripada cabang ilmu fiqh muamalat<sup>21</sup>. Oleh itu, kesemua hukum di perbankan Islam sudah semestinya perlu bersandarkan kepada sumber utama iaitu al-Quran, al-Sunnah, juga tidak membataskan dengan merujuk kepada al-Quran dan hadis sahaja, tetapi menerima juga *ijma‘* ulama, serta mengqiyaskan perkara baru yang tiada nas dengan menilai dan merumuskan sesuatu keputusan dengan berijtihad untuk mengistinbatkan hukum yang baru<sup>22</sup>. Ijtihad amatlah

<sup>18</sup> Elemen kecairan aset yang tidak cair iaitu bon. Rujuk: Asyraf Wajdi Dusuki (2010), *Journal of The International Association for Islamic Economics and The Islamic Foundation*, v. 14, No. 2, 2010, h.6., Muhammad al-Bashir Muhammad al-Amine (2008), “Sukuk Market: Innovation and Challenges”, *Islamic Economic Studies*, v.15, No. 2, h. 1-22.

<sup>19</sup> Ab.Rashid Bin Haji Dail (1994), *Bank Islam*. Selangor: Pustaka Rashfa, h. 6.

<sup>20</sup> Muhammad ‘Uthmān Bashir (2007), *al-Mu‘āmalat al-Māliyyah al-Mu‘asarah*. Al-’Urdan: Dar al-Nafā‘is, h. 262.

<sup>21</sup> Abdul Halim Ismail (1990), “The Teaching of Islamic Economics:Practitioner’s Point of View” ( Kertas Kerja, Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam di Langkawi, 20-22 Julai 1990), h. 20.

<sup>22</sup> Bank Negara Malaysia (t.t.) *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 4.

penting jika tiada gambaran yang jelas dalam al-Quran dan hadis dalam mengistinbatkan hukum untuk mentafsir kehendak dan keperluan manusia yang sering berubah<sup>23</sup>.

Penubuhan jawatankuasa Syariah bagi semua perbankan Islam dan juga bank Skim Perbankan Islam adalah suatu kemestian bagi sesebuah institusi supaya pegawai-pegawai Syariah tersebut dapat membimbang bank-bank mereka untuk menyelesaikan polemik-polemik Syariah yang timbul<sup>24</sup>. Oleh yang demikian, pegawai Syariah telah bertanggungjawab untuk menasihati bank-bank mereka untuk mematuhi kehendak Syariah, agar prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh pihak bank tidak menyeleweng daripada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Syarak<sup>25</sup>.

Bank Negara Malaysia Berhad juga telah menubuhkan badan tertinggi Syariah sebagai rujukan kepada bank-bank lain untuk meminta nasihat bagi memastikan keseragaman dalam pendapat dan amalan yang dijalankan<sup>26</sup>. Ahli jawatan kuasa Syariah kebanyakannya terdiri daripada ilmuwan yang mahir dalam bidang ekonomi Islam, kewangan Islam dan juga ahli Fiqh dan Usul al-Fiqh<sup>27</sup>. Oleh yang demikian, mereka lah yang akan menyelesaikan dan merungkaikan segala pemasalahan yang timbul dengan mengeluarkan pendapat berdasarkan bukti-bukti yang *qat'i* di dalam seminar atau muzakarah yang diadakan<sup>28</sup>.

---

<sup>23</sup>Suhaimi b Yusof et.al (2008),*op.cit.*, h. 151.

<sup>24</sup>Bank Negara Malaysia (t.t.), *op.cit.*, h. 10.

<sup>25</sup>*Ibid.*

<sup>26</sup>*Ibid.*

<sup>27</sup>*Ibid.*

<sup>28</sup>*Ibid.*, h. 11.

Dari sudut pandangan Fiqh, terdapat beberapa konsep yang tidak diterima dan dipertikaikan hukumnya oleh majoriti ulama tentang perbankan Syariah. Salah satu konsep yang sangat terkenal dengan kontroversinya adalah konsep *bay‘ al-‘inah*.

*Bay‘ al-‘inah* merupakan cabang kepada kaedah atau cara pertukaran jual beli sesuatu komoditi atau perkhidmatan, dengan perjanjian antara pihak bank dan pembeli. Seperti pembeli menjual balik barang yang dibeli kepada pihak bank dengan nilai yang rendah daripada harga asal<sup>29</sup>. Menurut Kamal al-Hummam al-Hanafi, *al-‘inah* dinamakan *al-‘inah* kerana *al-‘ain* atau barang yang dijual kepada pembeli dan dijual semula kepada penjual yang asal<sup>30</sup>. Terdapat pelbagai produk di perbankan Islam yang menggunakan prinsip *bay‘ al-‘inah*. Antara produk yang menggunakan instrumen *bay‘ al-‘inah* selain pembiayaan peribadi ialah kad kredit, urus niaga pasaran wang, penerbitan bon, dan sekuriti hutang<sup>31</sup>.

Sebagai contoh, Farid memerlukan wang tunai sebanyak RM50,000 untuk membaiki rumahnya. Kemudian Farid memohon pembiayaan peribadi daripada pihak perbankan Islam. Maka, bank tersebut akan menjual asetnya yang bernilai RM 55,000 kepada Farid dengan cara Farid membayar hutang tersebut kepada bank secara tangguh. Kemudian, Farid membuat perjanjian dengan bank untuk menjual kembali aset tersebut kepada pihak bank secara tunai dengan harga RM 50,000. Dalam keadaan ini, kedua-dua pihak iaitu Farid dan bank mendapat manfaat<sup>32</sup>. Natijahnya, farid memperoleh

---

<sup>29</sup>Abdul Ghafar Ismail (2010), *Money, Islamic Banks and The Real Economy. Malaysia*: Cengage Learning Asia Pte.Ltd, h. 148.

<sup>30</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *Panduan Perbankan Islam Kontrak dan Produk Asas*. Selangor: Telaga Biru Sdn.Bhd., h. 26.

<sup>31</sup>Bank Negara Malaysia (t.t), *op.cit.*, h. 26.

<sup>32</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*, h.32.

pinjaman sebanyak RM50,000 daripada bank secara tunai, manakala bank pula mendapat keuntungan sebanyak RM5,000 hasil daripada bayaran balik oleh Farid secara ansuran.

Kemusykilan di sini ialah perjanjian jual balik kepada penjual asal dan penambahan bayaran balik dalam transaksi tersebut. Oleh itu, kajian ini penting kepada pengkaji untuk meneliti masalah-masalah tersebut kerana terdapat pelbagai khilaf hukum dalam pemasalahan ini dan mendapatkan alternatif lain untuk menggantikan instrumen *bay‘al-‘inah*

### **1.3.Masalah Kajian**

Terdapat dua bentuk *bay‘ al-‘inah*. Contoh bentuk yang pertama ialah jika seseorang membeli aset dari seseorang yang lain dengan harga yang telah ditetapkan oleh penjual, dan dibayar kepadanya secara ansuran, kemudian penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk menjual semula aset tersebut kepadanya secara tunai dengan harga yang kurang daripada harga asal yang dibeli sebelum itu.<sup>33</sup>

Manakala bentuk kedua ialah seseorang menjual barangannya secara ansuran, kemudian setelah pembeli mendapat hak ke atas barangan tersebut, pembeli menawarkannya pula untuk dijual semula barangan itu secara tunai kepada penjual tadi dengan harga kurang daripada harga asal<sup>34</sup>. Bentuk kedua penjual tidak mensyaratkan kepada pembeli dengan menjual balik aset tersebut kepadanya. Situasi ini berbeza dengan bentuk yang pertama iaitu penjual mensyaratkan kepada pembeli untuk menjual asetnya kembali.

---

<sup>33</sup>Qal‘ah Ji, Muhammad Rawwas (1999), *al-Mu‘amalat al-Maliyyah al-Muasarah fi Dau’ al-Fiqh wa al-shari‘ah*. Beirut: Dar al-Nafa‘is, h.82-84.

<sup>34</sup>Ibid.

Kedua-dua bentuk tersebut terdapat hukumnya tersendiri yang bersandarkan kepada hukum pemasalahan lama. Oleh yang demikian, *bay‘ al-‘inah* bentuk kedua di sisi Imam Shafi‘i tidak diharamkan atau dihalang, tetapi terdapat perselisihan pendapat antara ulama-ulama lain dalam bentuk ini<sup>35</sup>. Walau bagaimanapun, majoriti perbankan Islam dan perbankan konvensional yang berlandaskan Islam di Malaysia melaksanakan prinsip *bay‘al-‘inah* dalam produk mereka dengan alasan, Malaysia berpegang kepada mazhab Imam Shafi‘i.

Tujuan penyelidik memilih tajuk ini untuk meneliti topik “Pelaksanaan pembiayaan peribadi secara Islam di bawah prinsip *bay‘ al-‘inah* yang dilaksanakan di AmIslamic Bank Berhad” dengan meneliti hukum, peranan dan cara operasi oleh pihak bank, serta alternatif untuk menggantikan instrumen *bay‘ al-‘inah*. Seperti diketahui umum, hukum sesuatu muamalat adalah diharuskan disisi fuqaha, kecuali terdapat operasi haram di sisi syarak, seperti adanya unsur riba, menggunakan atau membeli barang yang ditegah oleh Islam<sup>36</sup>.

Terdapat juga alternatif lain yang telah dicadangkan oleh sesetengah pendapat yang tidak bersetuju<sup>37</sup> dengan pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* dengan menggantikan konsep *bay‘ al-‘inah* kepada konsep-konsep lain seperti konsep komoditi murabahah, *tawarruq*, *musharakah*, *mudarabah*, *murabahah* dan sebagainya.

Kesimpulannya, konsep *bay‘ al-‘inah* telah diguna pakai secara menyeluruh di perbankan Syariah serta institusi kewangan Islam di Malaysia sebagai memenuhi

---

<sup>35</sup>Ibid.,h. 84.

<sup>36</sup>Muhammad ‘Uthman Bashir (2007), *op.cit.*, h. 262-263.

<sup>37</sup>Zaharuddin Abd Rahman (2009), *op.cit.*,h. 32.

keperluan kepada pengguna selepas industri pasaran modal Islam diperkenalkan<sup>38</sup>.

Walau bagaimanapun, *bay‘ al-‘inah* tetap mempunyai kontroversi tentang pertikaian hukum dalam pengamalannya. Oleh yang demikian, penulis mencadangkan instrumen lain iaitu komoditi murabahah untuk menggantikan *bay‘ al-‘inah* supaya lebih sesuai dan islamik.

Berdasarkan dari latar belakang kajian di atas, persoalan kajian dapat disenaraikan seperti berikut:

- 1) Mengapakah berlaku percanggahan keharusan pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* di kalangan cendekiawan Islam?
- 2) Bagaimanakah pelaksanaan konsep *bay‘ al-‘inah* yang dilaksanakan di perbankan Syariah di Malaysia? Adakah ia bertetapan dengan syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah?
- 3) Apakah instrumen lain yang boleh menggantikan *bay‘ al-‘inah* dalam produk pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank Berhad?

#### **1.4. Objektif Kajian**

Berdasarkan latar belakang kajian dan pemasalahan kajian, maka terdapat beberapa objektif kajian seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti isu Syariah dalam pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* yang menjadi pertikaian dalam kalangan ulama dan sarjana Islam.

---

<sup>38</sup>Ibid.

- 2) Menganalisis kaedah pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* dalam pembiayaan peribadi di AmIslamic bank berhad.
- 3) Mencadangkan kepada pihak bank untuk menggantikan konsep *bay‘ al-‘inah* yang dilaksanakan di AmIslamic Bank Berhad dengan konsep komoditi murabahah dalam produk pembiayaan peribadi.

### **1.5. Kepentingan Kajian**

Hasil daripada kajian ini, pengkaji mengharapkan supaya ianya dapat memberikan manfaat dan menjadi rujukan kepada individu, institusi dan pihak yang terlibat dalam isu pelaksanaan prinsip *bay‘ al-‘inah* di perbankan Islam.

- 1) Manfaat kepada bank dan institusi kewangan: Dapat merungkaikan segala pemasalahan yang dihadapi dalam penstrukturran produk ini, juga dapat memantapkan penjelasan tentang konsep yang telah diguna pakai, supaya dapat mengeluarkan produk lain yang berprinsipkan *bay‘ al-‘inah*.
- 2) Manfaat kepada pelanggan bank dan pegawai Syariah: Dapat memahami operasi *bay‘ al-‘inah* yang telah diaplikasikan oleh AmIslamic Bank dalam produk pembiayaan peribadi adalah dibenarkan di sisi syarak bersandarkan bukti yang dibawa oleh pengkaji. Manakala pelanggan juga dapat mengetahui kelebihannya.

## **1.6. Skop Kajian**

- 1) Kajian ini meliputi skop definisi, pensyariatan, isu-isu Syariah yang berhubung prinsip *bay‘ al-‘inah* dan mengenalpasti pandangan fuqaha dan cendikiawan ekonomi berkaitan dengan isu-isu Syariah.
- 2) Kajian ini terhad kepada pelaksanaan prinsip *bay‘ al-‘inah* dalam produk pembiayaan peribadi sahaja bukan kepada produk-produk lain.
- 3) Memfokuskan kajian di AmIslamic Bank Berhad kerana ia adalah salah satu daripada institusi kewangan yang terbesar dan berkembang pesat di Malaysia, dan masih belum ada kajian tentang pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* dalam pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank Berhad.
- 4) Kajian ini memilih komoditi murabahah sebagai alternatif untuk menggantikan prinsip *bay‘ al-‘inah* kerana tidak ada lagi konsep komoditi murabahah dilaksanakan di AmIslamic Bank Berhad. Tambahan lagi, konsep ini telah diterima pakai oleh majoriti ulama.

## **1.7. Sorotan Kajian**

Sorotan kajian adalah berdasarkan kitab-kitab muktabar, buku-buku kontemporari, dan buku yang berkaitan dengan ekonomi, serta memperolehi sumber dari internet. Namun, kebanyakan kajian telah difokuskan pada bahagian-bahagian yang berbeza. Oleh itu, penyelidik cuba untuk mengambil kepentingan dari kitab-kitab tersebut. Penyelidik memulakan dengan mengikut keautoritian sumber iaitu bermula dengan tesis atau disertasi sarjana, diikuti dengan latihan ilmiah sarjana muda atau kertas projek, artikel dalam jurnal, buku akademik, buku popular, prosiding atau kertas kerja

persidangan dan diakhiri dengan carian di laman sesawang. Antara sorotan yang dibuat oleh penulis ialah:

Mohamad Rizal Mohamed Nor<sup>39</sup> telah membahagikan kepada enam bab, yang mana bab pertama hanya membincangkan pengenalan tajuk. Manakala dalam bab kedua bermulanya perbincangan konsep *bay‘ al-‘inah* yang merangkumi definisi, hukum serta dalil-dalil yang menerima dan menolaknya. Bab ketiga pula, penulis telah menghubungkaitkan *bay‘ al-‘inah* dengan *hilah fiqhiyyah* untuk menerima *bay‘ al-‘inah* sebagai *hilah* bagi mengelak riba dalam operasi muamalat. Sementara bab keempat, penulis membawa contoh produk yang berdasarkan *bay‘ al-‘inah* yang telah dilaksanakan di Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad, serta menyebut ciri-ciri dan syarat prosedur permohonan dan pembayarannya. Bab kelima pula adalah bab analisis kajian penulis terhadap tajuk penyelidikan dengan menganalisis prestasi produk berdasarkan *bay‘ al-‘inah*. Di akhir bab kajian, penulis telah menyarankan kepada institusi perbankan Islam antaranya, menyarankan kepada Bank Rakyat Malaysia Berhad menukar mekanisme *bay‘al-‘inah* kepada *bay‘al-murabahah* atau *ijarah*. Manakala penulis juga menyarankan kepada pihak Bank Islam Malaysia Berhad supaya menukarkan produk kad kredit bank Islam kepada kad debit bank Islam supaya ia tidak menggunakan *bay‘ al-‘inah* dalam produk yang ditawarkan. Sementara itu, penulis menyarankan pula kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad supaya menukarkan konsep *bay‘ al-‘inah* kepada konsep *al-Mudarabah al-Muqayyadah*. Kesimpulannya dalam penulisan ini tidak menyentuh aspek pelaksanaan *bay‘ al-‘inah* yang dijalankan di AmIslamic Bank Berhad.

---

<sup>39</sup>Mohamad Rizal Mohamed Nor (2009), “Bay‘al-‘inah: Hukum dan Perlaksanaannya dalam Perbankan Islam di Malaysia” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, universiti Malaya).

Suzana Saipudin<sup>40</sup> hanya membincangkan mengenai koperasi kakitangan Bernas tanpa menjelaskan secara terperinci tentang aplikasi *bay‘ al-‘inah* dalam perbankan Islam.

Azizi bin Che Seman<sup>41</sup> telah menghuraikan isu-isu yang berkaitan dengan *bay‘ al-‘inah* dalam penerbitan dan perdagangan sekuriti hutang persendirian Islam. Penulis juga menerangkan bahawa cara kewangan Islam di Asia Tengah berbeza dengan Malaysia yang banyak menggunakan prinsip *murabahah* dan *ijarah*.

Saiful Azhar Rosly dan Azizi Che Seman<sup>42</sup> telah membincang mengenai akad *bay‘ al-‘inah* dan konsep *hilah* menurut pandangan fuqaha secara ringkas. Kajian ini menyatakan bahawa ulama Syariah Malaysia di luar badan-badan penyeliaan tidak menyokong sepenuhnya *bay‘ al-‘inah*. Ini kerana terdapat kaji selidik yang menunjukkan bahawa *bay‘ al-‘inah* hanya boleh digunakan jika dalam keadaan *darurah*. Penulis juga menyatakan bahawa ulama Syariah di negara-negara timur tengah tidak menerima sepenuhnya *bay‘ al-‘inah* kerana terdapat *hilah* kepada riba. Sedangkan konsep *bay‘ al-‘inah* dilaksanakan di Malaysia untuk mendapat penyertaan dana yang lebih besar dalam ekonomi Islam di Malaysia.

Joni Tamkin<sup>43</sup> juga telah membincangkan tentang keharusan murabahah dalam perundangan perdagangan. Artikel ini juga menyebut perkara-perkara yang berkaitan dengan murabahah. Seperti syarat barang yang hendak diperdagangkan, kos asal barang

<sup>40</sup> Suzana Saipudin (2001), “Konsep Bay‘al-‘inah dalam Pembiayaan Peribadi di Koperasi Kakitangan Bernas” (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>41</sup> Azizi Bin Che Seman (2002), “Bay‘al-Dayn, Bay‘al- ‘inah and IPDS in the Malaysian Islamic Capital Market”, *Jurnal Syariah*, Jil.10 Bil. 1.

<sup>42</sup> Saiful Azhar Rosly dan Azizi Che Seman (2003), “Juristic viewpoints on Bay‘ al-‘inah in Malaysia: A Survey”, *IIUM journal of Economics and Management*, Jil.11 Bil. 1-2, 2003, h. 87-111.

<sup>43</sup> Joni Tamkin Borhan (1998), “ Bay al-Murabahah in Islamic Commercial Law”, *Jurnal Syariah*, Jil. 6 Bil 2, 1998, h. 53-58.

dagangan yang akan dibayar oleh penjual serta peratus keuntungan yang boleh diambil oleh penjual dan pembeli. Namun, artikel ini tidak menyebut tentang komoditi murabahah.

Topik *bay‘ al-‘inah* dalam kitab *Al-Umm*<sup>44</sup> karangan Imam Shafi‘i, ini di bawah tajuk jual dengan pembayaran secara tangguh dan hukumnya adalah harus mengikut beliau. Pada mulanya perbezaan pendapat dalam masalah membeli sesuatu secara tunai (*cash*) dan menjual semula secara tangguh. Maka mazhab Shafi‘i mengambil qiyas dari kisah Zayd bin al-Arqam iaitu “Jika seseorang menjual sesuatu barang, kita lihat sesuatu jual beli itu haram, tetapi mereka cenderung kepada halal, maka Allah tidak menganggap bahawa jual beli mereka adalah haram atau batal, kerana kita tidak boleh mengharamkan apa yang telah dihalalkan oleh Allah”. Sesungguhnya Allah berfirman yang bermaksud: “*Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba*”. Oleh yang demikian, hal ini dinamakan jual beli bukan dinamakan riba. Jadi, situasi ini juga tidak boleh disabitkan dengan contoh Sayyidah ’Aishah dan Zayd bin al-Arqam iaitu tidak menjual atau membeli sesuatu kecuali apa yang dilihatnya halal, sebagaimana transaksi ini yang mengandungi dua aqad yang terpisah. Walau bagaimanapun kekurangan pada kitab ini adalah cara huraihan dan olahan yang membincangkan sesuatu isu dengan panjang lebar sehingga menyusahkan para pembaca untuk memahaminya.

Imam al-Nawawi melalui kitab “*Rawdah al-Talibin*”<sup>45</sup> menyatakan *bay‘ al-‘inah* tidak dilarang seperti seseorang menjual sesuatu dengan harga yang tertangguh kepada penerima barang, kemudian membelinya sebelum pembeli memegang barang tersebut dengan harga yang kurang.

<sup>44</sup> Al-Shafi‘i, Abu‘Abd Allah Muhammad bin Idris (2004), *al-Umm*, j.4, c. 2. (T.T.P): Dar al-Wafa’.

<sup>45</sup> Al-Nawawi, Yahyabin Syaraf (1996), *Rawdah al-Talibin*, ’adil Ahmad (eds.), j. 3. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah.

Imam Ibn Qudamah dalam kitab “*Al-Mughni*”<sup>46</sup> telah membincangkan tajuk ini dalam dua fasal. Fasal pertama, di bawah bahagian masalah *al-‘inah* dan hukumnya mengikut riwayat Imam Ahmad, *al-‘inah* berlaku apabila seseorang itu memerlukan, tetapi tidak dijual kecuali secara tangguh. Sebenarnya kedua-dua cara penjualan sama ada secara tunai (cash) atau ansuran adalah dibenarkan. Manakala fasal kedua membincangkan mengenai menjual sesuatu barang dengan tunai kemudian membeli semula dengan harga yang lebih secara ansuran. Hukum bagi masalah ini mengikut kitab Ibn Qudamah adalah tidak harus kecuali dengan menukar barang tersebut, ini disebabkan terdapatnya helah kepada riba. Namun demikian, dalam kitab ini tidak ada *tarjih* antara pendapat fuqaha yang dikeluarkan mengenai *bay‘ al-‘inah*.

Kitab “*Majmu‘ al-Fatawa*”<sup>47</sup> oleh Ibn Taymiyah membincangkan *bay‘ al-‘inah* di bawah persoalan “Adakah *bay‘ al-‘inah* dibolehkan atau dilarang disisi ajaran Islam dan bolehkah kita bertaqlid dengannya?”. Persoalan ini telah terjawab apabila seseorang mengambil wang yang banyak dengan niatnya tidak lain daripada riba. Hukumnya adalah haram kerana sesuatu amalan bergantung kepada niat seseorang. Sesungguhnya dalil al-Quran dan al-Sunnah mengenai riba adalah umum manakala dalil mengenai *al-‘inah* adalah khusus.

Kitab seterusnya adalah kitab “*Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*”<sup>48</sup> dari Imam al-Shawkani yang meletakkan tajuk *bay‘ al-‘inah* di dalam kitabnya di bawah bab “Apa yang cenderung kepada *bay‘ al-‘inah*”. Perbincangan ini bermula dengan hadis

<sup>46</sup>Ibn Qudamah Abu Muhammad ‘Abd Allah bin Ahmad bin Muhammad(1981),*Al-Mughni*, j. 4. Riyad: Maktabah al-Riyadh al-Jadidah.

<sup>47</sup>Ibn Taymiyyah, Abual-‘Abbas Ahmad bin ‘Abdal-Halim, (1978), *Majmu‘ al-Fatawa*, j. 2. Beirut: Dar al-‘Arabiyyah.

<sup>48</sup>Al-Shawkani, Muhammad ‘Alibin Muhammad (1973), *Nayl al-Awtar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*. Beirut: Dar al-Jil.

yang diriwayatkan oleh Sayyidah ‘Aishah menjual sesuatu kepada Zayd bin al-Arqam dan isterinya. Ini adalah contoh gambaran kepada *bay‘ al-‘inah*.

Manakala penulis juga menyoroti buku “*Ahkam Shurut Al-Bay‘ bayna al-Qanun al-Madani wa al-Fiqh al-Islami*”<sup>49</sup> oleh Ibrahim Salim dan Muhammad Muhyi al-Din menerangkan *bay‘ al-‘inah* dalam tajuk jual beli dengan kaedah *al-‘inah*. Kitab ini menerangkan *al-‘inah* dan faedahnya dari segi aqad. Kemudian, penulis juga menerangkan hukum *bay‘ al-‘inah* serta membawa contoh dalam keadaan yang membezakan antara *al-‘inah* di tangan pembeli dan *al-‘inah* di tangan penjual.

Engku Rabiah Adawiah Engku Ali<sup>50</sup> ada menyebut tentang *bay‘ al-‘inah* dan tawarruq. Menurut beliau, kedua-dua instrumen ini mempunyai persamaan kontroversi, iaitu helah kepada riba untuk mendapatkan wang. Namun ia tetap dilaksanakan oleh pihak perbankan Islam, walaupun majoriti ulama tidak dapat menerima amalan ini. Tetapi, menurut penulis buku ini, jika hilah yang ada untuk membantu masyarakat, ia tidak menjadikannya haram, malah mengharuskannya. Penulis juga membandingkan pengamalan *bay‘ al-‘inah* dan tawarruq, pengamalan tawarruq lebih efisen untuk diamalkan. Manakala komoditi murabahah juga ada disebut dalam buku ini.

Laporan “*Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*”<sup>51</sup> menerangkan maksud, gambaran *bay‘ al-‘inah* dan mengetengahkan rukun bagi dua aqad *bay‘ al-‘inah* seperti penjual, pembeli, barang, harga dan lafaz. Laporan tersebut turut menerangkan

<sup>49</sup>Ibrahim Salim, Muhammad Muhyi al-Din (2007), *Ahkam Shurut Al-Bay‘ bayna al-Qanun al-Madani wa al-Fiqh al-Islami*. Iskandariah: Dar Al-Matbu‘at al-Jami‘iyah.

<sup>50</sup>Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2008), “Bay‘ al-‘Inah and Tawarruq: Mechanism and Solutions”, dalam Mohd Daud Bakar et al. (eds.), *Essential Readings In Islamic Finance*. Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn Bhd, h. 133-168.

<sup>51</sup>BIMB (1998), *Konsep Syariah dalam Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: BIMB Institute of Research and Training Sdn. Bhd.

hukum *bay‘al-‘inah* di sisi fuqaha. Mengikut buku ini *bay‘ al-‘inah* adalah harus kerana berpegang kepada mazhab Shafi‘i, Zahiriyyah, Imam Abu Yusof dan Imam Muhammad dari Mazhab Hanafi. Menurut buku ini juga, *bay‘ al-‘inah* terdapat dua aqad yang terpisah.

Sudin Haron<sup>52</sup> dalam bab keempat di bawah tajuk undang-undang dan peraturan sistem perbankan Islam, membincangkan undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi dan diikuti oleh sesebuah bank Islam. Disebabkan landasan penubuhan bank Islam adalah berdasarkan faktor agama dan perniagaan, maka bank Islam perlulah mematuhi ketetapan yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Selain itu, bank Islam juga perlu mematuhi undang-undang buatan manusia dan undang-undang positif iaitu undang-undang yang dibuat dan dilaksanakan oleh pemerintah.

Hailani Muji Tahir dan Sanep Ahmad<sup>53</sup> telah memberi gambaran operasi *bay‘ al-‘inah* yang dilaksanakan oleh bank berserta contoh yang mudah difahami oleh pembaca. Buku ini juga membincang tentang pengaplikasi kontrak *bay‘ al-‘inah* dalam kad kredit. Manakala pada halaman belakang penulis menerangkan bahawa pelanggan membeli barang secara tunai kemudian menjual semula dengan cara hutang sama ada bayar ansuran atau tunai.

Abdul Halim El-Muhammady<sup>54</sup> juga ada membincangkan secara ringkas berkaitan dengan *bay‘ al-‘inah* di halaman 126 dengan mendefinisikan *bay‘ al-‘inah*

---

<sup>52</sup>Sudin Haron (2005), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd.

<sup>53</sup>Hailani Muji Tahir & Sanep Ahmad (2009), *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Selangor: Pusat Penerbitan (UPENA) Universiti Teknologi MARA.

<sup>54</sup> Abdul Halim El-Muhammady (2006), *Undang- undang Muamalat & Aplikasinya kepada Produk-produk Perbankan Islam*. Selangor: Dasar Cetak (m) Sdn.Bhd.

sebagai jual beli secara tangguh dan bayar dengan harga yang lebih. Penulis buku ini juga memberikan sedikit penerangan tentang kedudukan hukum jual *beli al-‘inah*.

Brian Kettel<sup>55</sup> menyebut tentang murabahah adalah harus disisi syariah kerana tiada pertikaian hukum dalam ijma’ ulama. Murabahah bukan sejenis pinjaman tetapi ia adalah jualan ke atas sesuatu barang. Antara syarat yang dikemukakan adalah barang yang hendak diniagakan mestilah wujud ketika jualan berlangsung, barang tersebut mestilah kepunyaan penjual, dan barang tersebut mestilah dipegang oleh pembeli selepas jualan, walaupun barang tersebut hendak dijual kepada orang lain.

Syekh Abdurrahman as-Sa’di<sup>56</sup> mengkategorikan *bay‘al-‘inah* sebagai jual beli yang dilarang dalam Islam. Penulis menegaskan bahawa *bay‘al-‘inah* haram kerana ia bukan bertujuan untuk melakukan jual beli yang pertama, tetapi bertujuan untuk jual beli yang kedua dengan jalan kepada riba. Penulis juga memberi contoh perbezaan antara jual beli cara *al-‘inah*, *tawarruq* serta membawa pendapat para ahli fiqh tentang hukum *al-‘inah* dan *tawarruq*.

Nurshuhadak Hehsan, Kamaluddin Abd Rahim dan Aminuddin Hehsan yang bertajuk<sup>57</sup> juga ada membincang tentang *bay‘ al-‘inah*. Penulis membincangkan perselisihan pendapat tentang *bay‘ al-‘inah* dan menerangkan konsep *bay‘ al-‘inah* yang mengikut prinsip dan lunas-lunas Islam. Penulis juga menekankan kepada pelaksanaan dari segi teknikal yang telah diguna pakai oleh institusi kewangan Islam di Malaysia.

---

<sup>55</sup>Brian Kettel (2010), *Islamic Finance in a Nutshell*. United Kingdom: John Wiley & Sons Ltd.

<sup>56</sup>Syekh Abdurrahman as-Sa’di (et.al) (2008), *Fiqih Jual Beli: Panduan Praktis Bisnis Syariah*. Jakarta Selatan: Senayan Publishing.

<sup>57</sup>Nurshuhadak Hehsan, Kamaluddin Abd Rahim dan Aminuddin Hehsan (2011), “Penggunaan Perisian Bai al-‘Inah di Institusi Kewangan Islam di Malaysia” (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa VII 2011 di Universiti Malaya, 14-15 Disember 2011).

Penulis juga mengemukakan cadangan membaik pulih konsep *bay‘ al-‘inah* untuk dikemaskini demi kemajuan Perbankan Islam di Malaysia.

Suhaimi Mohd Yusof<sup>58</sup> telah memfokuskan hukum dan pelaksanaan akad *bay‘ al-‘inah* dalam produk-produk kewangan Islam semasa. Walau bagaimanapun tiada analisis dan perbandingan ke atas produk tersebut yang telah dibuat.

Azizi Abu Bakar<sup>59</sup> telah menjelaskan mengenai produk-produk di bawah skim *bay‘ al-‘inah* yang dilaksanakan di Bank Rakyat dan Suruhanjaya Sekuriti. Produk tersebut telah mendapat kelulusan dari pihak Majlis Penasihat Syariah yang berpegang kepada mazhab al-Shafi‘i dan al-Zahiri. Bagi penulis, peningkatan permintaan kepada produk *bay‘ al-‘inah* disebabkan oleh kecederungan kebebasan berbelanja dan cara menguruskan kewangan sepenuhnya yang berpihak kepada pelanggan. Manakala mengikut takrifan penulis, *bay‘ al-‘inah* ialah satu kontrak pertukaran harta dengan harta melalui prosedur tertentu yang melibatkan pemberian dan penerimaan milik yang telah mendapat persetujuan daripada kedua-dua belah pihak. Sehubungan itu, penulis merumuskan bahawa sebilangan sarjana Islam berpendapat, penggunaan hilah dalam *bay‘ al-‘inah* di Malaysia merupakan suatu keperluan kepada masyarakat untuk mengelak daripada masyarakat terus membuat pinjaman berteraskan riba yang telah diaplikasikan oleh sistem bank konvensional pada hari ini. Dalam prosiding ini penulis tidak menyentuh tentang perlaksanaan pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank Berhad.

---

<sup>58</sup>Suhaimi Mohd Yusof & Ahmad Hazim Alias (2007), “Kedudukan Mazhab Shafi‘i dalam Produk Kewangan Islam” (Kertas Kerja Seminar Hukum Islam Semasa V, di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 22-23 Ogos 2007), h. 18-22.

<sup>59</sup>Azizi Abu Bakar (2009), “Pelaksanaan Bay al-Inah dalam Pembiayaan Peribadi (Personal Loan) Di Malaysia” (Kertas Kerja Seminar International Conference on Corporate Law (ICCL) 2009 di Surabaya, Indonesia, 1-3 Jun 2009), h. 1-9.

Aznan Hasan<sup>60</sup> ada menyebut tentang operasi komoditi murabahah dalam Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam, yang bertajuk Penggunaan Komoditi Murabahah sebagai Instrumen pengurusan kecairan di dalam Institusi Kewangan Islam. Beliau telah membincangkan penggunaan komoditi murabahah di dalam pengurusan kecairan institusi kewangan Islam, perbandingan antara bursa suq al-sila' (Malaysia) dengan bursa komoditi (Indonesia). Menurut penulis, penggunaan komoditi murabahah perlu menitikberatkan tentang kelalaian syariah. Antaranya ialah komoditi yang akan dijadikan sebagai aset seperti wujud, halal, pasti dan tertentu.

Menurut Engku Rabiah Adawiah Engku Ali,<sup>61</sup> tidak terdapat nas tentang haramnya transaksi tawarruq yang sama cara operasi dengan komoditi murabahah. Namun begitu, jika hilah dilihat dari segi riba, maka hukum untuk melaksanakannya adalah haram. Walau bagaimanapun, jika hilah dilihat dari segi untuk menyelesaikan keperluan orang ramai, maka hukumnya dibolehkagin ba mengelak daripada masyarakat terjerumus dalam perkara yang haram.

Terdapat banyak isu berkaitan *bay‘ al-‘inah* yang telah dibincangkan dalam laman sesawang. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai produk *bay‘ al-‘inah* yang diamalkan di Malaysia yang perlu diberikan perhatian. Produk *bay‘ al-‘inah* tidak boleh diperluaskan diperingkat antarabangsa kerana majority ulama negara-negara timur tengah telah menolaknya kerana terdapat unsur-unsur yang menyalahi prinsip Syariah.<sup>62</sup> Terdapat juga halaman yang membincangkan kesalahan utama yang dilakukan oleh pihak

<sup>60</sup> Aznan Hasan (2011), “Penggunaan Komoditi Murabahah sebagai Instrumen Pengurusan Kecairan di dalam Institusi Kewangan Islam” (Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam Kali ke-6, 3 Oktober 2011), h. 1-9.

<sup>61</sup> Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (2006), “Tawarruq Vis-à-Vis Commodity Murabaha”, (Kertas Persidangan 3<sup>rd</sup>. Kuala Lumpur Islamic Finance Forum di PWTC Kuala Lumpur, 27-29 November 2006) h. 1-12.

<sup>62</sup> Rang Undang-Undang Bank Negara Malaysia: [www.parlimen.gov.my/files/.../DR-01072009.pdf](http://www.parlimen.gov.my/files/.../DR-01072009.pdf), 26 November 2011.

bank yang mengamalkan *bay' al-'inah*. Antaranya melakukan *bay' al-'inah* dengan bersyarat. Keadaan ini diharamkan sama sekali oleh semua ulama. Tambahan pula, pihak bank tidak mengamalkan penjualan secara hakiki, yang mana tidak dinyatakan dengan jelas sifat, jenis dan keadaan barang yang akan diakad. Walhal Rasulullah SAW telah melarang melakukan penjualan barang yang tidak di serah terima. Ini membuktikan bahawa sistem perbankan Islam yang dilaksanakan sekarang agak keliru dalam menerapkan nilai Islam ke atas urusan jual beli.<sup>63</sup>

## **1.8. METODOLOGI KAJIAN:**

Metodologi adalah proses kepada langkah-langkah yang perlu diambil dalam melakukan penyelidikan. Oleh itu, pengkaji telah mengaplikasikan dua kaedah penyelidikan iaitu: kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data.

### **1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data:**

Penulis menggunakan beberapa kaedah dalam mengumpul dan memperolehi maklumat kerana ia sesuai digunakan untuk mengumpulkan data yang berkaitan dengan topik kajian. Oleh itu, pengkaji memerlukan kepada data-data yang relevan dengan kajian yang dibuat. Antaranya dua bentuk penyelidikan:

---

<sup>63</sup>Ikatan Intelektual Nusantara, Ekonomi: Bai' Ah Al Inah,<http://ikin1924.tripod.com/inah.htm>, 20 Oktober 2011.

#### 1.8.1.1 Kaedah Perpustakaan dan Dokumentasi :

Dari aspek pengumpulan data dan maklumat, kaedah perpustakaan dan dokumentasi akan digunakan untuk mendapatkan maklumat kajian. Pengumpulan data ini telah membabitkan penggunaan sumber data daripada perpustakaan seperti tesis, disertasi, buku, majalah, dokumen, kertas-kertas seminar dan sebagainya mengenai perbankan Islam dan perbankan konvensional. Kaedah perpustakaan ini penting dan berautoriti kerana data dan maklumat yang diperolehi adalah fakta yang benar dan berkualiti. Malahan dokumen-dokumen yang dikumpulkan merangkumi sumber primer dan sekunder.

Antara sumber-sumber primer ialah kitab-kitab turath yang membincang tentang *bay‘ al-‘inah*, bidang muamalat, tafsir dan sebagainya. Manakala sumber sekunder ialah tesis, disertasi, latihan ilmiah, buku-buku akademik, artikel dalam jurnal, kertas kerja, laporan, dokumentasi, risalah, laman dan juga buku-buku popular. Antara perpustakaan dan tempat-tempat yang menjadi rujukan penulis untuk mendapatkan maklumat sama ada dalam bahasa Inggeris, Arab atau Melayu adalah:

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Za’aba, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
3. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
4. Perpustakaan Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia.
6. Perpustakaan ISTAC, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
7. Perpustakaan INCEIF, Kuala Lumpur.

## 8. Perpustakaan IBFIM, Kuala Lumpur.

Pengkaji juga menggunakan pengkalan data elektronik yang berautoriti untuk mendapatkan data berkenaan *bay‘ al-‘inah*. Antaranya:

1. <http://www.doaj.org/>
2. <http://www.jstor.org/>
3. <http://myais.fstkm.um.edu.my/>
4. <http://apps.isiknowledge.com/>
5. <http://elib.uum.edu.my/>

### 1.8.1.2 Kaedah Temubual :

Kaedah temubual terbahagi kepada tiga jenis, iaitu temubual berstruktur, temubual separa berstruktur dan temubual tidak berstruktur<sup>64</sup>. Kajian ini menggunakan kaedah temubual separa berstruktur, kerana ia bersifat fleksibel dan hasil daripada pendapat responden. Kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan penerangan dan maklumat daripada mereka yang berpengalaman dengan lebih jelas berkaitan dengan kefahaman mereka mengenai bidang kajian. Ia adalah metod untuk mendapatkan keterangan dan pendirian secara lisan dari responden dengan cara berbual, bersoal jawab, dan bersemuka dengan responden. Kaedah ini penting untuk membantu penulis lebih memahami isu-isu yang berkaitan dengan perbankan Islam. Hasil temubual akan mengukuhkan analisa pandangan, khasnya di dalam bab tiga dan empat.

---

<sup>64</sup> Merriem, S.B. (1998), *Qualitative Research and Case Study Applications and Education*. c. 2. San Francisco: Jossey-Bass.

Bagi memastikan kaedah temubual ini bersifat rasional dan berwibawa maka beberapa kaedah telah ditetapkan:

1. Pengkaji akan mengadakan temujanji pada waktu yang ditetapkan dengan informan yang ditentukan.
2. Setiap persoalan tentang pembiayaan peribadi dan *bay' al-'inah* didahulukan.
3. Temubual akan direkodkan atau ditulis kemudian akan ditranskripsi.
4. Mengumpul data dalam bentuk laporan, pamphlet, dan sebagainya oleh pihak informan.

Penulis telah menemubual dan melaporkan beberapa responden terpilih yang berpengalaman dan berkelayakan dalam bidang ini. Namun begitu, calon mempunyai kekangan untuk menemubual pihak pengurusan tertinggi di AmIslamic Bank Berhad kerana tidak mendapat maklum balas daripada pihak tertinggi untuk mendapat maklumat yang lebih terperinci tentang pelaksanaan *bay' al-'inah*. Antara responden yang di temubual ialah:

1. En Syarif Amin Ab Rahim sebagai Pegawai Eksukutif Syariah di AmIslamic Bank.
2. Prof. Madya Dr. Azman Mohd Noor sebagai penasihat Syariah di al-Rajhi Bank.
3. Dr. Wan Rumaizi Wan Hussin sebagai Penasihat Syariah di Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

### **1.8.2 Kaedah Analisis Data :**

Setelah selesai mengumpul data dan maklumat kajian, penulis akan menggunakan beberapa kaedah untuk menyaring, menginterpretasi dan menganalisis data-data tersebut secara sistematik agar dapat mencapai objektif yang digariskan dan dapat menghasilkan rumusan daripada kajian ini. Antara kaedah yang digunakan ialah:

#### **1.8.2.1 Kaedah Induktif**

Kaedah ini juga dikenali sebagai kaedah sintesis. Kaedah induktif adalah untuk menganalisis data yang sedia ada untuk penulis merumuskan hasil kajian yang telah dijalankan. Kaedah ini membantu penulis untuk mencapai dan menepati kehendak objektif kajian yang dijalankan.

Penulis akan mengutarakan pelbagai aspek dalam menerangkan aspek perbankan dan membuat satu rumusan am untuk dijadikan premis dalam pandangan penulis terhadap aspek yang dihuraikan. Cara ini digunakan untuk membentangkan pandangan para ulama tentang *bay‘ al-‘inah*. Kaedah ini akan digunakan oleh pengkaji dalam bab dua kajian teori *bay‘ al-‘inah*. Manakala bab empat juga menggunakan kaedah ini dengan menganalisis pengaplikasikan pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank Berhad.

#### **1.8.2.2 Kaedah Deduktif**

Penulis akan mengumpul maklumat secara berterusan bagi menghuraikan dan menjelaskan isu yang dikaji. Secara generatif juga penulis mencari hubungan antara

fakta yang terkumpul untuk merumuskan sesuatu idea penulis bermula dari sifat umum kepada yang lebih khusus. Dalam kajian ini penulis mengumpul data yang berkaitan dengan tajuk kemudian membuat kesimpulan yang bersifat agak khusus terhadap kajian yang dijalankan. Cara ini telah digunakan oleh pengkaji dalam menghuraikan konsep *bay‘ al-‘inah* dalam pembiayaan peribadi juga menganalisis isu-isu Syariah yang terdapat dalam pemasalahan ini. Kaedah ini digunakan oleh pengkaji dalam bab tiga iaitu kajian pembiayaan peribadi dan pelaksanaannya di AmIslamic Bank Berhad.

#### 1.8.2.3 Kaedah Komparatif

Penulis menggunakan kaedah ini dalam kajian adalah untuk membandingkan pendapat-pendapat ulama yang berbeza. Penulis juga akan menumpukan aspek persamaan, perbezaan, kelebihan dan kelemahan dalam memahami maklumat yang diperolehi. Metod ini membantu pengkaji membuat perbandingan antara hukum yang mengharuskan *bay‘ al-‘inah* dan mengharamkannya. Di sini, terdapat bukti dan hujah masing-masing. Pengkaji mengaplikasikan kaedah ini pada bab dua iaitu kajian tentang teori *bay‘ al-‘inah*.

#### 1.8.2.4 Kaedah Historis

Dalam menganalisis data, pengkaji perlu menggunakan metod historis khususnya perkara yang membincangkan konsep *bay‘ al-‘inah* dan pembiayaan peribadi. Konsep ini merangkumi pendefinisian, penstrukturran, rukun dan syarat. Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam bab dua juga iaitu kajian dalam teori *bay‘ al-‘inah*.